

## Gabung agensi urus bekalan air

2011/03/15

JAMINAN yang diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam menangani isu berkaitan air adalah satu detik penting dalam sejarah Malaysia.

Air adalah soal keselamatan negara dan kegagalan kita akan menjurus kepada masalah jaminan air mentah dan jaminan bekalan.

Satu daripada perkara utama yang diperhatikan oleh Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) adalah pengurusan air dalam keseluruhan kitar penggunaan air ini adalah masih berasingan.

Terlalu banyak agensi yang terbabit dan tidak berintegrasi. Sememangnya perubahan iklim akan memberikan impak kepada sumber air, tetapi pengurusan air yang berasingan dari segi struktur boleh memberikan kesan yang jauh lebih teruk berbanding perubahan iklim.

Perkara ini turut diperkatakan Perdana Menteri dalam ucapan beliau sempena sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan, baru-baru ini.

Sektor air sebenarnya berfungsi dalam satu sistem tertutup. Air mentah yang kita gunakan adalah daripada alam sekitar. Air ini dirawat dan dibekalkan kepada pelbagai lapisan pengguna yang akhirnya menghasilkan air sisa.

Air sisa ini kemudian perlu dirawat sebelum dilepaskan semula ke alam sekitar. Untuk model ini berfungsi, alam sekitar mesti mempunyai kebolehan untuk menampung parameter keperluan dan pencemaran yang kita lakukan. Ini kerana alam sekitar mempunyai kapasiti pemampasan yang terhad.

Sistem tertutup sebegini adalah lebih bermanfaat kepada kerajaan dan pengguna kerana kita sentiasa terbabit bersama. Jika kita gagal dalam pengurusan secara cekap, ia akan menjurus kepada krisis air, pencemaran dan kadar tarif yang tinggi.

Satu daripada langkah pertama adalah menggabungkan semua agensi berkaitan dengan air di bawah satu kementerian. AWER ingin mencadangkan supaya semua agensi Persekutuan berkaitan dengan air digabungkan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air di peringkat kerajaan Persekutuan.

Melalui kaedah ini kerajaan Persekutuan dapat melakukan penyelarasan dengan lebih efektif dengan kerajaan negeri. Air adalah anugerah alam, hanya melalui cara kita menguruskannya dapat membezakan Malaysia daripada negara yang lain.

**PIARAPAKARAN S,  
Presiden AWER.**

Hak Cipta Terpelihara 2010 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.